

Faedah terbaik maqasid syariah



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Maqasid syariah bermakna tujuan atau objektif sesuatu syariah (perundangan Islam) digubal bagi membolehkan perolehan manfaat serta menolak mudarat atau kerosakan sebagai prinsip utama.

Allah SWT sebagai pencipta manusia dan seluruh alam ini Maha Bijaksana dalam mengatur segala ciptaan-Nya.

Manusia khususnya mendapat faedah terbaik dan jauh daripada sebarang kezaliman.

Islam meletakkan di dalam setiap hukum hakamnya mempunyai tujuan, makna dan hikmah tersendiri. Allah SWT tidak menjadikan sesuatu itu sebagai sesuatu yang sia-sia.

Islam jelas menerangkan implikasi mengambil makanan atau menggunakan sesuatu yang halal dan haram.

Beberapa ayat al-Quran menghubungkan pemakanan yang halal lagi baik sebagai bukti ketakwaan, keimanan, sifat bersyukur serta pengabdian seseorang kepada Allah SWT.

Menerusi **Surah al-Maidah, ayat 88** Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan makanlah daripada rezeki yang diberikan Allah kepada kamu iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya saja kamu beriman."

Selain itu, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia!

Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. (**Surah al-Baqarah, ayat 168**)

Dalam **Surah an-Nahl, ayat 114**, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Oleh itu makanlah (wahai orang-orang yang beriman) daripada apa yang dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata."

Terdapat lima prinsip utama maqasid syariah yang perlu diteliti setiap umat Islam.

Pertama, ia bagi

memelihara akidah.

Seseorang yang mengambil produk memabukkan sudah tentu tidak dapat mengenal pasti dan membezakan perintah atau larangan Allah SWT.

Dalam keadaan itu, tahap keimanan sudah tentu berada pada tahap paling minimum.

Prinsip kedua ialah memelihara jiwa atau nyawa. Ini termasuk menjaga dan memelihara jiwa dan nyawa serta tubuh badan manusia.

Islam mewajibkan setiap individu menjaga keselamatan diri masing-masing dan pada masa sama melarang keras perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa diri sendiri atau orang lain.

Dalam konteks ini, Islam melarang mengambil

makanan yang tidak baik untuk kesihatan dan boleh merosakkan tubuh badan.

Prinsip ketiga pula adalah memelihara akal dan minda. Manusia yang sihat memiliki akal dan pemikiran yang baik.

Akal adalah anugerah terbaik serta keistimewaan buat manusia sehinggakan diberikan status sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi sesuai dengan ketentuan dan perintah Allah SWT.

Hanya manusia saja yang mampu menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta berinovasi.

Prinsip keempat ialah memelihara harta. Tidak dinafikan kehidupan yang sempurna bagi seseorang manusia berkait rapat dengan pemilikan dan penguasaan harta.

Menyedari hakikat itu, syariah Islam menggariskan peraturan, hukum dan undang-undangnya tersendiri dalam soal harta.

Sumber harta penting dan mesti datangnya daripada sumber yang halal saja. Pemilikan harta mestilah diusahakan melalui cara dan pendekatan yang diharamkan.

Prinsip kelima ialah memelihara keturunan manusia. Makanan yang halal serta diet sihat akan mewujudkan ahli keluarga yang kuat dan sihat.

Keturunan yang terhindar daripada makanan haram dapat melahirkan jiwa yang bersih serta akhlak peribadi mulia.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)